



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

Bil.23/2018

**LAPORAN KAJIAN SEMULA PERSEMPADANAN BAHAGIAN-
BAHAGIAN PILIHAN RAYA BAGI NEGERI-NEGERI TANAH
MELAYU BOLEH DIMUAT TURUN DI LAMAN WEB SPR.**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa Dewan Rakyat dalam sidanganya pada 28 Mac 2018 telah meluluskan usul Draf Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri-Negeri Tanah Melayu) 2018 dan Laporan Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018.
2. Sehubungan dengan kelulusan oleh Dewan Rakyat, Perintah tersebut telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah diwartakan untuk berkuat kuasa mulai 29 Mac 2018 selaras dengan peruntukan Seksyen 12, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.
3. Oleh yang demikian, orang awam boleh memuat turun salinan Laporan Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri Di Dalam Negeri-Negeri Tanah Melayu Kali Keenam Tahun 2018 dari laman web rasmi SPR iaitu www.spr.gov.my mulai 31 Mac 2018.

4. Susulan daripada pewartaan Perintah tersebut, pengemaskinian daerah-daerah mengundi telah dilaksanakan oleh SPR dan diwartakan pada 30 Mac 2018 selaras dengan peruntukan Seksyen 7 (1) dan (2), Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*].

Sekian, terima kasih.

TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

PUTRAJAYA

Tarikh : 31 Mac 2018 / 13 Rejab 1439H